

TARIKH	JUMAAT, 6 SEPTEMBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	AKTA PERKONGSIAN DATA DIJANGKA DIBENTANG AKHIR TAHUN INI
M/S	8
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	DATA SHARING ACT (OMNIBUS ACT)

# Akta Perkongsian Data dijangka dibentang akhir tahun ini

**Kuala Lumpur:** Akta Perkongsian Data dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat akhir tahun ini bagi memastikan perkongsian data dapat dilaksanakan secara efektif dan berkesan di peringkat Persekutuan.

Akta itu akan meliputi Kementerian, jabatan, agensi dan badan berkanun bagi memastikan data dilindungi setiap masa.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo, berkata penggunaan data peribadi tidak dapat dielak daripada digunakan di platform dalam talian meskipun hingga ketika ini ia tidak dijamin sepenuhnya selamat atau dilindungi oleh pengendali platform.

"Ini kerana undang-undang seperti Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) yang memperkuat kuasa selama lebih sedekad tidak pernah dipinda.

"Sepanjang tempoh itu, terdapat banyak kecanggihan teknologi baharu wujud dan berkembang termasuk aspek teknologi kecerdasan buatan (AI), teknologi *blockchain* dan ia akan terus berkembang dan bergerak pantas ke hadapan," katanya kepada *BH*.

Gobind berkata, antara pindaan termasuk memastikan bagaimana semua perniagaan yang sudah memenuhi kriteria ditetapkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi melantik Pegawai Perlindungan Data (DPO).

Katanya, pegawai itu adalah pegawai digital yang berperanan memberikan nasihat bagaimana data ditadbir secara selamat dan sentiasa terlindung.

"DPO juga berperanan menyelia strategi perlindungan data dan memastikan pematuhan terhadap peruntukan di bawah Akta 709," katanya.

### Dasar teknologi kuantum

Pada masa sama, katanya, Kementerian sedang merangka penggubalan dasar membatik teknologi kuantum atau komputer kuantum bagi mengukuhkan lagi perlindungan data peribadi di negara ini yang dijangka dibentangkan hujung tahun ini.

"Kita juga perlu memastikan data dalam 11 sektor yang ditakrifkan sebagai sektor Infrastruktur Maklumat Kritisikal Negara (CNII), iaitu kerajaan, perbankan dan kewangan, pengangkutan, pertahanan dan keselamatan negara serta maklumat, komunikasi dan digital dapat ditadbir dan diproses secara selamat.

"Sektor lain dalam CNII itu termasuk perkhidmatan jagaan kesihatan; air pembentukan dan pengurusan sisa; tenaga; pertanian dan perladangan; perdagangan industri dan ekonomi serta sains, teknologi dan inovasi," katanya.

**Gobind Singh Deo,  
Menteri Digital**

DISEDIAKAN OLEH	NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---